

PENGAKAP KELANA

EDISI 1

Jiwa Seorang Kelana

NORHAYATI ABD WAHAB



PENGAKAP KELANA

EDISI 1

Jiwa Seorang Kelana

NORHAYATI ABD WAHAB

Edisi 1

Cetakan pertama 2025

©Politeknik Merlimau Melaka, 2025

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, diedarkan, atau dihantar dalam apa jua bentuk atau dengan apa cara sekalipun, termasuk fotokopi, rakaman, atau kaedah elektronik atau mekanik lain, tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada penulis, kecuali dalam kes petikan ringkas yang terkandung dalam ulasan dan kegunaan khusus bukan komersial yang lain.

Penulis:

Norhayati Abd Wahab

Editor:

Zuraida Yaacob

Pereka Grafik:

Nurin Aqilah Hamdan

PENGAKAP KELANA: JIWA SEORANG KELANA/
NORHAYATI ABD WAHAB-EDISI 1
eISBN 978-629-7737-22-5

Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau Melaka

KM 2.5, Jalan Merlimau – Jasin

77300 Merlimau Melaka

Tel : 06 - 263 6687

Fax : 06 - 263 6678

Laman Sesawang: www.pmm.mypolycc.edu.my



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-629-7737-22-5

SIDANG REDAKSI

**Penulis:
Norhayati Abd Wahab**

**Editor:
Zuraida Yaacob**

**Pereka Grafik:
Nurin Aqilah Hamdan**

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Negeri Kelanasiswa Malaysia (KSM) serta Politeknik Merlimau Melaka atas sokongan dan dorongan yang diberikan dalam penerbitan **Pengakap Kelana: Jiwa Seorang Kelana-Edisi 1** ini.

Ucapan terima kasih turut ditujukan kepada semua pihak yang telah membantu secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan penulisan dan penyusunan kandungan buku ini.

Penerbitan ini amat signifikan sebagai sumber rujukan rasmi yang menyelaraskan kefahaman, memperkukuh pengetahuan, serta memantapkan penghayatan nilai dan semangat kepengakapan dalam kalangan ahli Pengakap Kelana. Ia juga berperanan sebagai platform pembelajaran berterusan yang selaras dengan aspirasi memperkasa pergerakan Pengakap di institusi pengajian tinggi khususnya.

Semoga usaha ini memberi manfaat jangka panjang kepada semua ahli Kelana dan menjadi pemacu kepada kesinambungan pembangunan kepengakapan di peringkat nasional.

Amir Bin Awang@ Muda

Ketua Jabatan Sukan, Kokurikulum & Kebudayaan
Politeknik Merlimau Melaka

PRAKATA

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, marilah kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat-Nya, **Pengakap Kelana: Jiwa Seorang Kelana-Edisi 1** ini berjaya diterbitkan sebagai panduan asas kepada semua ahli Pengakap Kelana, sama ada di Malaysia mahupun di luar negara.

Buku ini memberi tumpuan kepada elemen teras dalam kepengakapan seperti sejarah pergerakan pengakap, prinsip-prinsip asas, persetiaan dan undang-undang pengakap, yang menjadi asas penting dalam membentuk keperibadian dan jati diri seorang ahli pengakap.

Diharapkan buku ini dapat dimanfaatkan sebagai rujukan dalam latihan, perbincangan, dan penghayatan nilai-nilai pengakap, serta menjadi panduan sepanjang penglibatan dalam dunia kepengakapan yang luas dan berperanan besar dalam membina insan berdisiplin dan berbakti.

"Sekali berpengakap, Selamanya berpengakap"

Norhayati Abd Wahab

Jun 2025

ISI KANDUNGAN

- 1** **DEFINISI PENGAKAP**
- 2** **PRINSIP ASAS PENGAKAP**
- 3** **TUJUAN PENGAKAPAN**
- 4** **PENGAKAP KELANA**
- 5** **SEJARAH PENGAKAP KELANA**
- 6** **PERANAN PENGAKAP KELANA**
- 9** **AKTA PERTUBUHAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
- 11** **TUJUAN DAN DASAR PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**
- 12** **SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP ANTARABANGSA**
- 16** **SEJARAH PERMULAAN UNIT-UNIT DALAM PENGAKAP**
- 17** **SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA**
- 24** **SEJARAH KETUA PENGAKAP NEGARA MALAYSIA**
- 26** **SKIM LATIHAN PENGAKAP KELANA**
- 27** **PROSES MENGENAL DIRI (VIGIL)**
- 37** **LENCANA PENGAKAP KELANA**
- 38** **LATIH TUBI: JIWA SEORANG KELANA**
- 40** **RUJUKAN**

DEFINISI PENGAKAP

Pergerakan Pengakap didefinisikan sebagai pergerakan sukarela, bebas daripada politik untuk melatih generasi muda, terbuka kepada semua tanpa mengira asal usul, bangsa dan kepercayaan agama selaras dengan tujuan prinsip dan kaedah yang diilhamkan oleh pengasasnya



Gambar 1: Istiadat bendera

PRINSIP ASAS PENGAKAP

Pergerakan Pengakap diasaskan di atas beberapa prinsip yang telah menggariskan segala aktivitinya. Prinsip ini termaktub di dalam Perlembagaan Pergerakan Pengakap Sedunia.

Prinsip-prinsip asas dalam pengakapan berhubung-kait dengan asas-asas dalam Pergerakan Pengakap berikut yang mana Penyatuan Pengakap berpaut:

- Pengertian Pengakap
- Matlamat Pengakapan
- Prinsip-prinsip Pengakapan
- Cara Pengakapan

PRINSIP-PRINSIP PENGAKAP

Didapati daripada Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap. Tiga Prinsip itu adalah:

- Kepercayaan Kepada Tuhan
- Tanggungjawab Kepada Masyarakat dan Negara
- Perkhidmatan Kepada Diri Sendiri



TUJUAN PENGAKAPAN

Menanam sifat-sifat saling mengerti, harmoni, persefahaman dan keamanan di kalangan manusia, dengan berpandukan Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.

Mengalakkan dan memperkembangkan rakyat yang baik di kalangan pengakap dengan membentuk mereka melalui:

- a) Perkembangan keperibadian (character development)
- b) Latihan kewarganegaraan (citizenship training)
- c) Kemahiran untuk berdikari (skills for self-reliance)
- d) Khidmat kepada masyarakat dan orang lain (service to the community and others)
- e) Perkembangan kegiatan dan projek yang mendatangkan hasil (development of incomeproducing activities and projects)

Konsep dan fahaman Persekutuan Pengakap Malaysia adalah untuk menjadikan seorang Pengakap yang baik dan berguna kepada bangsa dan negara



PENGAKAP KELANA


- Pengakap Kelana ialah kumpulan pengakap bagi golongan dewasa muda yang berumur antara 17½ hingga 25 tahun.
- Kumpulan ini dikenali sebagai Krew Pengakap Kelana dan merupakan peringkat tertinggi dalam gerakan Pengakap bagi golongan belia.
- Pengakap Kelana berperanan penting dalam memberi khidmat kepada masyarakat, selaras dengan cogankatanya iaitu "Berkhidmat".
- Sebagai wadah pembangunan diri dan kepimpinan, Pengakap Kelana menawarkan pelbagai aktiviti yang mencabar dari segi fizikal, mental, dan sosial. Ahlinya berpeluang menyertai program tempatan dan antarabangsa, seperti perkhemahan, pertukaran budaya, projek komuniti, dan kursus kepimpinan.
- Melalui penglibatan ini, mereka dapat membina jati diri, semangat kesukarelawanan, dan memperkukuh nilai-nilai murni dalam kehidupan seharian.
- Pengakap Kelana juga berfungsi sebagai platform untuk menyumbang tenaga dan idea kepada masyarakat melalui aktiviti khidmat sosial, pemuliharaan alam sekitar, pendidikan tidak formal serta penganjuran program belia yang memberi impak positif kepada komuniti.

SEJARAH PENGAKAP KELANA

- 1907** Perkhemahan percubaan pertama di Pulau Brownsea, England oleh Baden-Powell
- 1908** Buku „*Scouting for Boys*” diterbitkan, asas kepada gerakan Pengakap
- 1917** „Pengakap Dewasa” diperkenalkan di United Kingdom
- 1918** Nama ditukar kepada Pengakap Kelana (*Rover Scouts*)
- 1922** Buku „*Rovering to Success*” diterbitkan oleh Baden-Powell
- 1931** Perkhemahan Kelana Sedunia pertama di Kandersteg, Switzerland dengan penyertaan 3.000 orang
- 1975** Keahlian Pengakap Kelana di Malaysia dibuka kepada wanita muda

PERANAN PENGAKAP KELANA

AKTIVITI PENGAKAP KELANA



Gambar 2: Bantu mula

PERANAN PENGAKAP KELANA

PRINSIP PENGAKAP KELANA

Pengakap Kelana merupakan sebuah badan sukarela;

- Non–Government Organisation (NGO);
- Non–Profit Organisation (NPO);

Terbuka kepada semua tanpa mengira perbezaan agama, bangsa atau kepercayaan;

Pengakap Kelana bukan sahaja satu program yang meluas untuk belia, tetapi ia adalah jalan kehidupan yang lebih sihat.

MATLAMAT PENGAKAP KELANA

- Memperkenalkan rakyat yang aktif
- Memberi perkhidmatan kepada masyarakat dan negara
- Melengkapi ahli–ahli dengan cabaran dan peluang untuk meningkatkan kebolehan diri sendiri
- Membolehkan ahli–ahli melengkapi diri mereka dengan kehidupan yang lebih meluas dan berfaedah
- Mengambil bahagian dengan aktif dalam peningkatan ilmu dan pergerakan Pengakap



PERANAN PENGAKAP KELANA

TUJUAN PENGAKAP KELANA

- Membentuk warganegara yang taat kepada Tuhan, Raja dan Negara
- Meninggikan persaudaraan antara ahli Pengakap Sedunia
- Persaudaraan aktiviti–aktiviti luar
- Perkhidmatan masyarakat
- Fikiran progresif antara belia
- Berdikari
- Perlindungan alam semulajadi



Gambar 3: Kelana bersama pemimpin Krew

AKTA PERTUBUHAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

**Akta Parlimen Malaysia No. 38 (1968) dengan pindaan No. 143 (1974) dan No. 409
(Semakan 1989)**

PETIKAN DARIPADA AKTA PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

Tajuk Ringkas Dan Pemakaian

- (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta (Perbadanan) Persekutuan Budak-Budak Pengakap Malaysia, 1968.
- (2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Persekutuan



AKTA PERTUBUHAN PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

PENAUNG AGONG - PENGAKAP MALAYSIA



**KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG KE 17
SULTAN IBRAHIM SULTAN
ISKANDAR**

Setiap Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang dilantik adalah Penaung Agong Persekutuan Pengakap Malaysia.

Penaung-penaung terdiri daripada Sultan-sultan dan Raja-raja Melayu (Ahli Majlis Rajaraja Melayu) iaitu Sultan atau Raja yang memerintah bagi negeri Perlis, Kedah, Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor, Pahang, Negeri Sembilan dan Johor.

TUJUAN DAN DASAR PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA

Tujuan Persekutuan ini adalah bagi membina golongan kanak-kanak, remaja dan belia menjadi rakyat yang baik dan berguna kepada keluarga, masyarakat dan negara dengan menggunakan cara dan pendekatan seperti berikut:

Merujuk P.O.R (Prosedur, Organisasi dan Peraturan) bahagian II perenggan 1&2 [Persekutuan Pengakap- Pengakap Malaysia, 1974. "Undang-undang Kecil"]

- 1 Membentuk sifat, perangai dan budi pekerti yang mulia.
- 2 Melatih tabiatnya supaya tajam pemerhatiannya
- 3 Percaya dan yakin akan kebolehan dirinya sendiri serta mampu berdikari
- 4 Menurut perintah serta menanam semangat taat setia kepada pemimpin dan negara
- 5 Mengajar mereka sentiasa menimbangkan kepentingan orang lain
- 6 Sentiasa berkhidmat dan berguna kepada orang ramai
- 7 Membuat sendiri benda-benda yang berguna bagi dirinya
- 8 Sentiasa memajukan kesihatan fizikal dan mentalnya
- 9 Sentiasa mengikut ajaran agama masing-masing

SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP ANTARABANGSA

SIAPAKAH ROBERT BADEN-POWELL?






- Pengasas Pergerakan Pengakap Dunia, Ketua Pengakap Dunia.
- Lahir : 22 Februari, 1857 di Hyde Park London. (United Kingdom).

- Nama sebenar ROBERT STEPHENSON SMYTH BADEN POWELL (BP).
- Ayahnya Reverend HG B.Powell ialah profesor di Univ. Oxford, England.
- BP mempunyai 7 orang adik-beradik
- Sewaktu umur BP 3 tahun, ayahnya meninggal dunia dan BP dididik oleh ibunya.
- Semasa kecil, BP suka akan penghidupan di luar rumah serta alam semulajadi.
- Semasa menuntut BP suka mengembara dan merekacipta dalam kegiatan luar.

SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP ANTARABANGSA

SEJARAH PENGAKAP

- Semasa remaja, BP berkhidmat dalam pasukan tentera British, berpangkat Leftenan Muda.
- Pergolakan di India dan di Afrika membuatkan dia terfikir utk membina kegiatan luar dan kemahiran memerhati.



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP ANTARABANGSA

SEJARAH PENGAKAP

- Pengakapan bermula sebagai satu kesedaran awal semulajadi dari penghidupan awal dan kerjaya BP dalam tentera.
- BP mengembangkan ideanya dalam buku bertajuk "Aids to Scouting".
- Selepas perang Boer, BP menjadi ketua pasukan polis Afrika Selatan. Beliau merekacipta pakaian seragam (baju, seluar pendek, skaf, dan topi bertepi lebar yang mempengaruhi pakaian seragam pengakap).
- BP menggunakan warna hijau & kuning dari pakaian itu sebagai warna pengakap.
- Pada tahun 1899, semasa berkhidmat di Mafeking (Afrika), BP menggunakan khidmat budak-budak sebagai penyampai berita/pesanan semasa Mafeking diserang.
- Khidmat budak-budak serta kebolehan mereka itu, meninggalkan kesan yang mendalam kepada BP.
- Apabila pulang ke England pada 1907, BP menganjurkan satu perkhemahan percubaan di Pulau Brownsea untuk budak-budak lelaki.
- Hasil dan pengalaman dari perkhemahan itu, pada tahun 1908, BP mengarang buku 'Scouting for boys'

SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP ANTARABANGSA

SEJARAH PENGAKAP

- BP dilantik menjadi Pengakap Agung (Chief Scout) bagi seluruh dunia semasa Jambori Pengakap Sedunia Pertama di Olympia.
- Buku Scouting for Boys karangan BP menjadi tarikan kepada budak-budak di England dan negara-negara lain di dunia.
- Pergerakan Pengakap berkembang di seluruh dunia kecuali di negara anutan komunisme.
- Cadangan dan pengalaman BP yang dimuatkan di dalam buku itu, dimanfaatkan oleh ramai anak muda yang memberi peluang kepada mereka untuk menyertai pelbagai kegiatan memajukan diri sendiri.
- Pada tahun 1937, semasa BP berumur 80 tahun, BP berpindah ke Kenya (Afrika) bersama isterinya Lady Baden Powell (yang juga terlibat dalam membantu mengembangkan kegiatan Pengakap).
- BP juga telah melawat banyak negara untuk melihat sendiri perkembangan pengakap di negara itu. (Salah satu negara itu ialah Malaysia (Malaya pada masa itu).
- BP meninggal pada 8 Jan 1941 & disemadikan di Kenya.

SEJARAH PERMULAAN UNIT-UNIT DALAM PENGAKAP SEDUNIA

- 1907 : Unit Pengakap Muda dan Remaja
- 1909 : Unit Pengakap Laut
- 1909 : Unit Pengakap Raja
- 1910 : Unit Pengakap Perempuan
(Girl guides/Pandu Puteri)
- 1916 : Unit Pengakap Kanak-kanak
- 1918 : Unit Pengakap Kelana
- 1928: Unit Pengakap Laut Dalam
- 1941 : Unit Pengakap Udara
- 1946: Unit Pengakap Putera




Gambar 4: Pemimpin pengakap, pengakap kelana dan pengakap kanak-kanak didalam satu aktiviti

SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

- Pergerakan Pengakap berkembang di Malaysia (Malaya) apabila F.C.Sands tubuhkan pasukan Pengakap Kanak-Kanak (cubs) di Singapura pada tahun 1910 (2 tahun setelah BP mengasaskan pergerakan ini di England).



- 1919 Pasukan Pengakap utk budak Melayu telah diasaskan Kapten N.M. Hashim dan En. A.Z.Alsagoff, juga di Singapura.
- Negeri Melayu yg pertama mulakan Pergerakan Pengakap - Pahang (Pekan) oleh G.M.Laidlow.
- Namun, pergerakan ini terus terkubur setelah G.M.Laidlow meninggal.



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

- 1927, Pengakap dihidupkan semula oleh H.P.Hertslet, Frisby dan Wheeler dari Jabatan Pelajaran Pahang.
- Pergerakan ini dimajukan oleh H.R. Cheesman (seorang ahli pendidikan terkenal)
- 1915- beliau tubuhkan pergerakan Pengakap di Pulau Pinang iaitu di Penang Free School.
- Mendiang juga menjawat jawatan Penolong Pesuruhjaya Pengakap Malaya selama 13 tahun.



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

- Di Perak, pengakap ditubuhkan di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) pada tahun 1926 oleh I.R.Wheeler.
- 1922, Pengakap bermula di Kedah.
- 1928 bermula di Johor di Maktab Sultan Abu. Bakar
- Melaka dan Negeri Sembilan memulakan pergerakan Pengakap pada tahun 1926 oleh Brunstone.
- Selangor menubuhkan pergerakan Pengakap pada tahun 1926 oleh Ameen Akbar.
- Pengakap di Terengganu diasaskan oleh A.J.Gracle pada tahun 1927.
- 1927- Pengakap di Kelantan ditubuhkan dan diasaskan oleh YM Tengku Ahmad Temenggong.
- 1931 - Perlis
- 1913 - Sarawak
- 1915 - Sabah
- 1957, Persekutuan Budak-Budak Pengakap Tanah Melayu, menjadi ahli dlm Persidangan Pengakap Sedunia.
- 1963 (penubuhan Malaysia), Persekutuan Budak-Budak Pengakap Tanah Melayu ditukar kepada Persekutuan Pengakap Malaysia



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA


- Tahun 1930 - Pengakap Laut ditubuhkan di sekolah Melayu Banggol, Kota Bharu, Kelantan.
- Tahun 1952 - Pembukaan Kem Kok Keli.
- Tahun 1953 - Kem Kijang dibuka.
- Tahun 1957- Menjadi anggota penuh kepada persidangan pengakap sedunia.
- Tahun 1964 - Ditubuhkan Persekutuan Budak-budak Pengakap Malaysia (Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak).
- Ogos 1965 - Singapura berpisah dari Malaysia.



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

Jadual 1 : Nama-nama pengasas pengakap

| TAHUN | NEGERI | NAMA PENGASAS |
|-------|--------------------|---|
| 1910 | SINGAPURA | En. Frank Cooper. Sand |
| 1912 | PAHANG | En. G.M Laidlow |
| 1913 | SABAH | En. Revconanon Thomas Cecil Alexander |
| 1915 | PULAU PINANG | En. H.R Hertslet |
| 1915 | SARAWAK | Tidak Dapat Dikesan |
| 1922 | KEDAH | En. E.C Hicks , En. E.A.G Stauart En. R.P.S Walker, En. C.W Bloomfield |
| 1925 | MELAKA | En. Brunstone |
| 1926 | NEGERI SEMBILAN | En. Brunstone |
| 1926 | PERAK | En. I.R Wheeler |
| 1926 | SELANGOR | En. Ameen Akhbar |
| 1926 | TERENGGANU | En. A.J Cracle |
| 1927 | KELANTAN | Y.M Tengku Ahmad Temenggong |
| 1931 | PERLIS | Di Bawah Naungan Negeri Kedah |



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

- Tahun 1967 - Jambori pengakap pertama di P.Pinang.
- Tahun 1920 an - Berkembang ke seluruh dunia.
- Tahun 1920 -Jambori pengakap pertama - Lord Baden Powell sebagai ketua pengakap sedunia.
- 8 Januari 1941 - Beliau meninggal dunia.
- Tahun 1910 - Mula bertapak di Tanah Melayu.
- Tahun 1971 - Jambori pengakap kedua di Melaka.
- Tahun 1975 - Jambori pengakap ketiga di Johor.
- 1979 - Jambori pengakap keempat di Sabah.
- 1982 - Jambori pengakap kelima di Kota Bharu, Kelantan.
- 1985 - Jambori pengakap keenam di Semambu, Kuantan, Pahang.
- 1992 - Jambori pengakap ketujuh di Tambunan, Sabah.
- 1997 - Jambori Pengakap kelapan Asia Pasifik diadakan di Bukit Keluang, Besut, Terengganu.
- Pendaftaran - Di bawah Akta Parlimen No.38 tahun 1968 tertakluk di bawah Akta No. 143 pindaan 1974

JAMBORI MALAYSIA PERTAMA
TELUK BAHANG PULAU PINANG
4 - 10hb DISEMBER 1966



LOGO JAMBORI MALAYSIA PERTAMA



SEJARAH PERGERAKAN PENGAKAP MALAYSIA

- Rumah BP Yang Terletak Di Jalan Hang Jebat (Davidson Road), Kuala Lumpur Merupakan Ibu Pejabat PPM.
- Telah Dibuka Secara Rasminya Pada 5hb Januari 1957 Oleh Tuan Yang Teramat Mulia Sir Donald Macgillivray K.C.M.G., M.B.E. , Sempena Menyambut Perayaan Ulang Tahun Ke-50 Pengakap Dunia



Gambar 5: Rumah BP



SEJARAH KETUA PENGAKAP NEGARA MALAYSIA



General Sir Gerald Walter Robert Templar (1952–1954)



Sir Donald MacGillivray (1954–1957)



Dato' Sulaiman bin Dato' Abd. Rahman (1957–1961)



Encik Abd. Rahman bin Talib (1961 – 1963)



Dato' Haji Sardon bin Haji Jubir (1963 – 1973)



YAB Dato' Mohamad bin Yaakob (1973 – 1978)



Tan Sri Datuk Amar Dr. Sulaiman bin Haji Daud (1984 – 2005)



Dato' Seri Dr. Hj. Shafie Bin Hj. MohdSalleh (2005–2019)



Mejj. Jen. Prof. Dato' Dr. Mohd Zin bin Bidin (2023–Kini)

SEJARAH KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA MALAYSIA

| KETUA PESURUHJAYA PENGAKAP NEGARA | TAHUN BERKHIDMAT | TEMPOH |
|--------------------------------------|---------------------|----------|
| Frank Cooper Sands | 1910–1948 | 38 tahun |
| E. M. F. Payne | 1948–1957 | 9 tahun |
| Mohamad Yusof Ahmad | 1957–1960 | 3 tahun |
| Zainal Abidin Ali | 1960–1963 | 3 tahun |
| Syed Esa Alwi | 1963–1968 | 5 tahun |
| Syed Hashim Abdullah | 1969–1987 | 18 tahun |
| Wan Puteh Wan Mohd Saman | 1987–1989 | 2 tahun |
| Yang Rashdi Maasom | 1989–2000 | 11 tahun |
| Hamidin Abdullah | 2000–2003 | 3 tahun |
| Kamaruddin Kachar | 2003–2008 | 5 tahun |
| Kaharudin Momin | 2008–2011 | 3 tahun |
| Mohamad Shahrum Osman | 2012–2016 | 4 tahun |
| Mohd Zin Bidin | 2016–2024 | 8 tahun |
| Nasaruddin Shamsuddin | 2024-Kini | 1 tahun |

sumber: [wikipedia](#)

SKIM LATIHAN PENGAKAP KELANA

Skim Latihan Pengakap Kelana bertujuan untuk meningkatkan kemahiran, kepimpinan, dan kefahaman peribadi dalam kalangan ahli melalui latihan formal dan eksplorasi sendiri. Setiap Krew bertanggungjawab melaksanakan latihan ini secara terancang bagi membentuk ahli yang berdaya saing, berdedikasi dan beretika dalam memberi khidmat kepada masyarakat.



Simbolik Perpindahan ke Peringkat Kelana

Apabila seseorang Pengakap Remaja melangkah ke peringkat Pengakap Kelana, satu upacara khusus diadakan sebagai tanda rasmi perpindahan ke tahap baharu dalam penglibatan mereka.

Ujian Lencana Keahlian Pengakap Kelana

Bakal Kelana perlu menempuh Ujian Lencana Keahlian khas yang menunjukkan minat dan komitmen dalam peringkat Kelana sebagai syarat asas keanggotaan.



Majlis Penganugerahan Lencana Keahlian

Ahli yang berjaya dalam ujian tersebut akan diraikan dalam satu majlis penganugerahan yang ringkas namun bermakna sebagai pengiktirafan rasmi terhadap keahlian mereka.

Tanda Nama, Lencana, dan Epolet Rasmi

Dalam majlis ini, ahli menerima tanda nama Krew, Lencana Kelana, dan epolet Pengakap Kelana sebagai lambang keanggotaan rasmi dalam Krew.



PROSES MENGENAL DIRI (VIGIL)

- Sebelum seorang kelana yang baru di terima masuk ke dalam krew, dia haruslah melalui sesi ujian mengenal diri (vigil).
- Pemimpin dan ketua krew yang telah berpuashati dengan sikap dan komitmen kelana tersebut akan mengadakan satu Istiadat pertabalan bakal Kelana untuk menerima kelana tersebut ke dalam krew.
- Ujian-ujian yang dilakukan pada seorang kelana ialah:
 - Untuk menguji dan menilai akan dirinya sendiri berdasarkan Persetiaan dan undang-undang Pengakap
 - Merenung kehidupannya dan membayangkan akan: perbuatannya masa lalu, perkara yang dibuatnya sekarang, niat, hasrat dan tujuannya pada masa depan.



Gambar 6: Krew sedang mendengar taklimat vigil



PERSETIAAN PENGAKAP

**Bahawa dengan sesungguhnya
Saya berjanji dan bersetia
Yang saya
Dengan seberapa daya upaya saya
Akan
Taat kepada tuhan, Raja dan Negara
Menolong orang pada setiap masa
Menurut undang-undang pengakap**

Menolong orang pada setiap masa

Taat kepada
Tuhan, Raja dan
Negara



TANGAN KANAN

Menurut undang-
undang pengakap

Ibu jari menekan jari kelingking
bermaksud:
Semua ahli pengakap bersatu dalam
ikatan persahabatan dan sebagai
ingatan yang kuat di samping
sentiasa menolong yang lemah



Kedudukan tangan
ketika Persetiaan

PERSETIAAN PENGAKAP



Sekiranya memegang tongkat
Dalam kedudukan kalih tongkat ke
tangan kiri.

Tapak tangan masih berada
di sebelah kaki kanan.

1. Tekan jari kelingking menggunakan ibu jari kanan
2. Kemudian angkat tangan kanan rapat ke badan
3. Tapak tangan menghadap ke hadapan dengan 3 jari lurus ke atas

BILA?

Situasi:

- Istiadat bendera
- Istiadat melantik-lencana keahlian
- Istiadat meningkat naik
- Pemimpin menerima tauliah - memperbaharu persetiaan
- sebelum memulakan mesyuarat pengakap

LAGU PENGAKAP MALAYSIA

**Kami Pengakap Malaysia
Harapan nusa dan bangsa
Berikrar setia
Pada pertiwi tercinta**

**Melatih generasi muda
Menjadi insan yang berguna
Persediaan pengakap
Teras dipegang bersama**

**Menolong orang setiap masa
Menabur bakti di mana sahaja
Demi Tuhan, Raja dan negara
Berbudi,bersaudara
Taat,menurut perintah
Kami bangga junjung cita-cita
Pengakap Malaysia**

**Kami Bangga junjung cita-cita
Pengakap, Pengakap Malaysia**



UNDANG-UNDANG PENGAKAP



1

DIPERCAYAI

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG SENTIASA DIPERCAYAI MARUAH DAN KEHORMATAN DIRINYA

1. Pengakap menjaga maruah (Harga Diri) dengan segala sifat-sifat terpuji.
2. Ia mempertahankannya sehingga semua orang yakin kepada maruahnya itu.

UNDANG-UNDANG PENGAKAP

2

TAAT

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG TAAT KEPADA DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG, RAJA-RAJA, TUAN-TUAN YANG TERUTAMA DAN KEPADA IBU BAPANYA, PEMIMPIN PENGAKAPNYA, MAJIKAN DAN ORANG-ORANG DI BAWAHNYA.

1. Taat bukan bererti lemah tetapi menghormati dan mendengar nasihat yang baik. Walaupun dari orang yang di bawahnya.
2. Boleh diharap dan boleh bekerjasama.

3

BERGUNA

PENGAKAP ADALAH WAJIB MENJADIKAN DIRINYA BERGUNA DAN MENOLONG ORANG PADA SETIAP MASA

1. Tidak terlalu mementingkan diri tetapi memikirkan juga sumbangan kepada keluarga, agama, bangsa, tanah air dan orang lain. Boleh diharap dan boleh bekerjasama.
2. Ringan tangan dan dermawan bila masaya sesuai untuk berbuat demikian.
3. Mencari kesempatan untuk berbakti.

UNDANG-UNDANG PENGAKAP

4

BERSAUDARA

PENGAKAP ADALAH SAHABAT KEPADA SEKALIAN ORANG DAN SAUDARA KEPADA LAIN-LAIN PENGAKAP WALAUPUN BERLAINAN BANGSA, PANGKAT DAN AGAMA.

1. Bermaksud meluaskan pergaulan yang baik sesama kumpulan dan jiran setempat.
2. Memandang manusia sebagai sama taraf tanpa prasangka perbezaan negeri, keagamaan, kebangsaan dan keturunan.
3. Bila-bilapun berkawan adalah lebih baik dari bermusuhan.

5

BERBUDI

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG BAIK DAN SEMPURNA BUDI PEKERTINYA DAN SENTIASA BERBUDI.

1. Pengakap mempunyai tingkah laku, budi pekerti dan budi bahasa yang baik.
2. Dapat menghargai perkara yang baik, lebih baik dari orang lain.
3. Berbudi bahasa dan bertimbang rasa sesama manusia.

UNDANG-UNDANG PENGAKAP

6

KASIHKAN BINATANG

PENGAKAP ADALAH BAIK DAN KASIH KEPADA BINATANG

1. Jangan zalim kepada binatang yang lemah
2. Membunuh binatang hanya diperlukan untuk makanan
3. Binatang yang dipelihara hendaklah dijaga dengan sempurna (makan minum, kebersihan dan kesihatan).
4. Binatang kesayangan boleh membawa kegembiraan kepada kita.
5. Jika perlu membunuh janganlah disiksa lama walaupun binatang itu adalah musuh.

7

MENURUT PERINTAH

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG SENTIASA MENURUT PERINTAH DAN SURUHAN IBUBAPANYA, KETUA PATROL ATAU PEMIMPIN-PEMIMPIN PENGAKAPNYA DENGAN TIADA APA-APA SOALAN.

1. Menyempurnakan tanggungjawab yang diberikan sebaiknya.
2. Dengar baik-baik arahan, cuba laksanakan, bertanya jika tidak faham. Minta maaf jika tidak berupaya melaksanakan mengikut arahan diberi.

UNDANG-UNDANG PENGAKAP

8

TABAH HATI

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG SENTIASA SABAR DAN MANIS MUKANYA DALAM MASA KESUSAHAN.

1. Apabila ditimpa satu-satu kesusahan, kesempatan dan kecemasan hendaklah bertenang dan jangan gugup.
2. Percayalah sesuatu di luar dugaan itu datangya sebagai takdir.
3. Dugaan adalah ujian keatas keimanan kita.
4. Atasi semua masalah dengan kebijaksanaan dan sabar.

9

BERJIMAT

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG SENTIASA BERJIMAT CERMAT

1. Jimat bererti jangan membazir dan boros. Jagalah masa jangan terbuang dengan percuma.
2. Cermat atau berhemat ertinya berjaga-jaga, waspada atau berhati-hati sebelum atau sedang berbuat sesuatu.
3. Memelihara apa yang berharga supaya jangan hilang, rosak atau susut nilai.

UNDANG-UNDANG PENGAKAP

10

**SUCI FIKIRAN,
SUCI PERKATAAN,
SUCI PERBUATAN**

PENGAKAP ADALAH SEORANG YANG BERSIH SUCI FIKIRANNYA, PERKATAANNYA DAN PERBUATANNYA.

1. Utamakan kebersihan diri, pakaian, makanan, rumah tangga dan persekitaran kita.
2. Sentiasa mengisi fikiran dengan ilmu pengetahuan yang baik dan cita-cita tinggi supaya hal-hal yang tidak baik tidak meresap dalam fikiran kita.
3. Jaga tingkahlaku dan sopan santun supaya manis dipandang orang.



Gambar 7: Pemeriksaan Pagi

LENCANA PENGAKAP KELANA

Setelah selesai proses mengenal diri (vigil) barulah krew boleh memulakan skim latihan pengakap kelana bermula dengan mendapatkan lencana keahlian, 3 lencana wajib dan 1 lencana pilihan. Setelah Ahli Pengakap Kelana itu telah memenuhi kesemua lencana diatas, ianya akan dianugerahkan dengan Anugerah Baden Powell (B-P Award) dan Tanda Cemerlang Rambu Pengakap Kelana mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Persekutuan Pengakap Malaysia.

01



Lencana Keahlian

Mulakan Latihan Pengakap Kelana dengan meraih Lencana Keahlian sebagai langkah awal dalam perjalanan pengakap anda. Ini adalah asas sebelum meneruskan lencana-lencana utama seterusnya.

02



Lencana Wajib

Capai tiga lencana wajib Pengakap Kelana: Kemahiran, Perkhidmatan, dan Pengembaraan. Setiap lencana mengasah kemahiran dan pengalaman penting dalam pengembaraan kelana.

03



Lencana Pilihan

Pilih salah satu lencana pilihan seperti Kepimpinan, ICT, Ekstrem, Penyelamat Nyawa atau Keusahawanan untuk memupuk pelbagai kemahiran dan kepakaran.

04



Anugerah Baden Powell (B-P Award)

Kejar Anugerah Baden Powell sebagai puncak pencapaian dalam Pengakap Kelana, mengiktiraf dedikasi, pencapaian dan semangat kepengakapan yang tinggi.

*kesemua laporan lencana hendaklah di masukan ke dalam buku log

LATIH TUBI: Jiwa Seorang Kelana

Bahagian A

1. Siapakah pengasas pergerakan Pengakap?
 - A. Robert Frost
 - B. Lord Baden-Powell
 - C. Thomas Edison
 - D. Alexander Graham Bell
2. Persetiaan Pengakap dimulakan dengan ayat:
 - A. "Saya berjanji akan sentiasa..."
 - B. "Demi bangsa dan negara..."
 - C. "Bahawa dengan sesungguhnya..."
 - D. "Saya bersedia berkhidmat..."
3. Salah satu undang-undang Pengakap ialah:
 - A. Pengakap seorang yang taat
 - B. Pengakap mesti memimpin
 - C. Pengakap dilarang berkawan
 - D. Pengakap tidak menolong orang
4. Tahun bilakah Pengakap diperkenalkan di Tanah Melayu?
 - A. 1907
 - B. 1910
 - C. 1918
 - D. 1923
5. Pengakap mempunyai sifat...
 - A. Tamak dan boros
 - B. Jimat dan cermat
 - C. Simpan dan diam
 - D. Bebas dan senang

LATIH TUBI: Jiwa Seorang Kelana

Bahagian B

1. Pengakap pertama kali diuji oleh Baden-Powell di _____ pada tahun 1907.
2. BP menulis buku _____ sebagai asas awal kepada pengakap moden.
3. Perkhemahan percubaan pertama yang dikendalikan oleh BP diadakan pada tahun _____ di Pulau _____.
4. Kelana ialah unit pengakap untuk golongan _____.
5. Tanggungjawab utama seorang Pengakap Kelana ialah berbakti kepada _____ dan _____.

Bahagian C

1. Nyatakan tiga peranan utama seorang Pengakap Kelana dalam masyarakat.
2. Mengapa penting bagi seorang Kelana memahami sejarah pengakap?
3. Pilih satu undang-undang Pengakap yang paling dekat di hati anda, dan jelaskan mengapa.
4. Bagaimana persediaan Pengakap membantu membentuk jati diri seorang Kelana?
5. Bagaimana undang-undang "Pengakap adalah sahabat kepada semua" boleh membentuk perpaduan?

'Sekali berpengakap, selamanya berpengakap'

RUJUKAN

1. Persekutuan Pengakap Malaysia. (2010). Skim Latihan Pengakap Kelana. Kuala Lumpur: Pusat Latihan Negara, Persekutuan Pengakap Malaysia.
2. Undang-undang Malaysia. (2016). *Akta Persekutuan Pengakap-Pengakap Malaysia (Pemerbadanan) 1968*.
3. Wikipedia contributors. (n.d.). *Persekutuan Pengakap Malaysia*. Wikipedia. https://ms.wikipedia.org/wiki/Persekutuan_Pengakap_Malaysia
4. Pengakap Selangor. (n.d.). *Undang-undang pengakap*. <https://www.pengakapselangor.org/2019/10/undang-undang-pengakap.html>
5. Mohd Hisyam bin Kahar. *Sejarah Pengakap: Nota Kursus Kepimpinan Manikayu*, Melaka: PPM Daerah Merlimau

Penulis
Norhayati Abd Wahab

Editor
Zuraida Yaacob

Pereka Grafik
Nurin Aqilah Hamdan

PENGAKAP KELANA EDISI 1 : JIWA SEORANG KELANA

e ISBN 978-629-7737-22-5



**POLITEKNIK MERLIMAU
(ONLINE)**

